



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

"*MORALE*" GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

LOO CHIN CHEANG

FPP 1998 25

"MORALE" GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

LOO CHIN CHEANG

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1998



"MORALE" GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

Oleh

LOO CHIN CHEANG

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan
Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Mei 1998



PENGHARGAAN

Sepanjang menyiapkan tesis penyelidikan ini, pelbagai pihak telah terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Foo Say Fooi, Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa dan Dr. Mohd. Majid Konting selaku penyelia saya yang telah mengorbankan masa dan tenaga dalam merintis kejayaan tesis ini serta sentiasa mendorong dan memastikan saya sentiasa bekerja keras.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada individu-individu yang banyak membantu menjayakan tesis ini, para pensyarah UPM, para guru dan Guru Besar daripada 15 buah sekolah di daerah Sepang, para pegawai Jabatan Pendidikan Daerah dan para pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan yang membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini. Tanpa sokongan mereka tesis penyelidikan ini mungkin akan menemui jalan sukar.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan khusus kepada isteri dan anak-anak kesayangan saya yang begitu sabar menunggu kejayaan saya. Semoga Tuhan sahaja akan membala segala jasa baik yang telah diberikan.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Rasional Kajian	5
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Limitasi Kajian	14
Definisi Istilah	16
" <i>Morale</i> "	16
Cabaran Peribadi	17
Sinergi Kepemimpinan	18
Kebanggaan Kohesif	18
Penilaian Prestasi Dan Pergerakan	
Gaji (PPG) SSB	19
II SOROTAN LITERATUR	20
Kajian Tentang " <i>Morale</i> "	20
Mengenai "Staff Morale Questionnaires"	
SMQ	20
Faktor-Faktor yang Mempengaruhi	
" <i>Morale</i> "	22
" <i>Morale</i> " Tinggi dan Rendah	22
Gaya Kepemimpinan Pengetua	25
Saiz Sekolah	28
Suasana Tempat Kerja	30
Umur	31
Kumpulan Kerjasama	32
Rumusan	33

III METODOLOGI KAJIAN	36
Kerangka Konsep Kajian	36
Pembolehubah Kajian	39
Reka Bentuk Kajian	40
Persampelan dan Populasi	40
Saiz Sampel	40
Populasi Kajian	43
Instrumentasi	47
Sejarah Pembinaan "Staff Morale Questionnaires" SMQ	47
Alat Kajian "Staff Morale Questionnaires" SMQ	48
Kajian Rintis	52
Tatacara Pengumpulan Data	54
Pemerosesan dan Analisis Data	61
IV DAPATAN KAJIAN	64
Analisis Deskriptif Latar Diri	
Subjek	64
Analisis Deskriptif Latar Belakang	
Sekolah Subjek	66
Analisis Deskriptif Faktor Dimensi "Morale"	67
Analisis Deskriptif Tahap "Morale"	
Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Sepang	76
Analisis Perbezaan Tahap "Morale"	
Mengikut Jenis Sekolah Subjek	77
Analisis Perhubungan Di antara Faktor Dimensi "Morale" dan Pembolehubah-Pembolehubah Tidak Bersandar	79
Analisis Perbezaan Tahap "Morale"	
Mengikut Pembolehubah-Pembolehubah Tidak Bersandar	80
Analisis Ujian-t	80
Analisis ANOVA Satu Hala	81
Analisis Penentuan Faktor Peramal kepada Tahap "Morale"	84
Kesimpulan	87

V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	88
Pengenalan	88
Rumusan	88
Rumusan Tentang Tahap "Morale"	
Guru-Guru Sekolah Rendah	
Daerah Sepang	91
Rumusan Bagi Menentukan Perbezaan Tahap "Morale"	
Mengikut Ketiga-Tiga Jenis	
Sekolah	91
Rumusan Bagi Menentukan Korelasi	
Di antara Ketiga-Tiga Faktor Dimensi	
"Morale" Dengan Pembolehubah-Pembolehubah Tak Bersandar	92
Rumusan Bagi Membandingkan Perbezaan Tahap "Morale" Mengikut Pengaruh Latar Diri Dan Latar	
Belakang Sekolah	92
Rumusan Bagi Menentukan Faktor Yang Boleh Meramal Tahap "Morale"	94
Perbincangan	94
Cadangan	99
Cadangan (a)	100
Cadangan (b)	100
RUJUKAN	103
LAMPIRAN	
A Soal Selidik	107
B Surat -Surat Resmi	112
VITA	122

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Bilangan Guru yang Meletakkan Jawatan Di antara 1993 Hingga 1995	8
2 Taburan Jantina Guru-Guru Sekolah Rendah Mengikut Jenis Sekolah	44
3 Senarai Sekolah-Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian Sebenar Di Daerah Sepang Mengikut Zon Dan Bilangan Subjek	46
4 Taburan Nombor Item Mengikut Tiga Faktor Dimensi "Morale" Staff Morale Questionnaire (SMQ)' I	49
5 Taburan Nombor Item Mengikut Tiga Faktor Dimensi "Morale" 'Staff Morale Questionnaire (SMQ)' II	49
6 Taburan Alpha Item Standard Dan Bilangan Item Mengikut Faktor Dimensi "Morale".....	53
7 Ringkasan Markat Skor Min Dan Sisihan Piawai Kajian Rintis	54
8 Pengedaran Borang Soal Selidik Kepada Sampel	56
9 Kronologi Proses Pengumpulan Data	58
10 Ringkasan Tahap "Morale" Guru-Guru Sekolah Rendah ("Non Response") Di Daerah Sepang	60
11 Pengelasan Tafsiran Pekali Korelasi Pearson Mengikut Davis (1971)	63
12 Ringkasan Taburan Bilangan Dan Peratusan Mengikut Latar Diri Subjek	65

13	Ringkasan Taburan Bilangan Dan Peratusan Guru Mengikut Latar Belakang Sekolah	66
14	Taburan Kekerapan Responden Mengenai Faktor Dimensi "Morale" - Cabaran Peribadi	68
15	Taburan Kekerapan Responden Mengenai Faktor Dimensi "Morale" - Sinergi Kepemimpinan	71
16	Taburan Kekerapan Responden Mengenai Faktor Dimensi "Morale" - Kebanggaan Kohesif	74
17	Ringkasan Tahap "Morale" Keseluruhan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Sepang	76
18	Ringkasan ANOVA Satu Hala Perbezaan "Morale" Berdasarkan Jenis Sekolah	77
19	Ringkasan Ujian Scheffé Perbezaan Tahap "Morale" Mengikut Jenis Sekolah	78
20	Ringkasan Pekali Korelasi Faktor Dimensi "Morale" dengan Pembolehubah Tidak Bersandar	79
21	Ringkasan Ujian-t mengenai Perbezaan "Morale" Guru Berdasarkan Jantina dan Saiz Sekolah	80
22	Ringkasan ANOVA Satu Hala Perbezaan "Morale" Berdasarkan Umur, Pendapatan, Pengalaman Mengajar dan Lokasi Sekolah	81

23	Ringkasan ANOVA Satu Hala Perbezaan "Morale" Berdasarkan Penilaian Prestasi PPG SSB	82
24	Ringkasan Ujian Scheffé Perbezaan Tahap "Morale" Mengikut Kumpulan Keputusan Penilaian PPGSSB	83
25	Ringkasan Korelasi Matriks Regresi Berganda	84
26	Regresi Berganda Faktor Latar Diri Dan Faktor Latar Belakang Sekolah Berdasarkan Pembolehubah Bersandar Tahap "Morale"	86

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Kerangka Konsep Kajian "Morale"	37

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains

"MORALE" GURU-GURU SEKOLAH RENDAH

Oleh

LOO CHIN CHEANG

MEI 1998

Pengerusi: Foo Say Fooi, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap "*morale*" guru-guru sekolah rendah. Secara lebih terperinci kajian ini bertujuan untuk menentukan (1) tahap "*morale*" guru-guru sekolah rendah secara keseluruhan, (2) perbezaan "*morale*" guru-guru sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah kebangsaan, (3) perhubungan tiga faktor dimensi "*morale*" iaitu; cabaran peribadi, kebanggaan kohesif dan sinergi kepemimpinan dengan jantina, umur, pendapatan, keputusan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji Sistem Saran Baru (PPG SSB), pengalaman mengajar, saiz sekolah, lokasi sekolah dan jenis sekolah, (4) perbezaan "*morale*" guru-guru sekolah rendah mengikut perbezaan jantina, umur, pendapatan, keputusan penilaian pergerakan gaji dan pencapaian SSB, pengalaman mengajar, saiz sekolah dan lokasi sekolah, dan (5) menentukan faktor yang boleh meramal tahap "*morale*" guru-guru di sekolah rendah.

Penyelidik telah menjalankan kajian dengan menggunakan soal selidik 'Staff Morale Questionnaires' (SMQ) yang terdiri daripada tiga puluh satu item soalan. Proses pengumpulan data adalah secara pos. Bilangan guru yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 500 orang guru dari semua 32 buah sekolah rendah di daerah Sepang. Jumlah guru yang terlibat mengikut perkiraan saiz sampel dalam kajian sebenar adalah 251 orang dari 15 buah sekolah. Jumlah guru yang telah memberi jawapan adalah 204 orang sahaja. Kesemua soal selidik yang terkumpul telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *SPSS Release 6.0.1.*

Kesimpulan bagi kajian ini ialah (1) secara keseluruhannya "*morale*" guru-guru sekolah rendah di daerah Sepang adalah tinggi, (2) Terdapat perbezaan tahap "*morale*" yang ketara antara kumpulan guru yang mengajar di sekolah SJK (Cina) dengan kumpulan guru yang mengajar di sekolah SJK (Tamil). Sekolah Kebangsaan Tamil merupakan sekolah yang mempunyai tahap "*morale*" guru yang paling tinggi.(3) terdapat hubungan korelasi yang teguh di antara faktor dimensi "*morale*" cabaran peribadi dan sinergi kepemimpinan dengan pembolehubah keputusan PPG SSB, (4) terdapat perbezaan tahap "*morale*" antara kumpulan guru yang mendapat keputusan PPG SSB yang berbeza dan kumpulan guru yang mengajar di jenis sekolah yang berbeza, dan (5) pembolehubah PPG SSB dan pembolehubah jenis sekolah merupakan peramal utama bagi tahap "*morale*" dalam kajian ini.

Kajian ini telah memberi maklumat yang berguna mengenai tahap "*morale*" guru-guru sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science.

PRIMARY SCHOOL TEACHERS' MORALE

By

LOO CHIN CHEANG

May 1998

Chairman: **Foo Say Fooi, Ph.D.**

Faculty: **Educational Studies**

The aim of this study was to find out about the morale level of primary school teachers. To be precise, the objectives of this study were to determine (1) the morale level of primary school teachers on the whole, (2) the difference in the morale level of primary school teachers' in Chinese National Type Primary Schools, Tamil National Type Primary Schools and the National Primary Schools, (3) the three dimensional factors relationship i.e, the personal challenge, cohesive pride and leadership synergy with sex, age, income, the performance evaluation result under the New Remuneration System (NRS) merit increment, teaching experience, the size, location and the type of the school, (4) the difference in the morale level of the primary school teachers relative to the difference in sex, age, income, the performance evaluation result under the New Remuneration System (NRS) merit increment, teaching experience, size and the location of the school, and (5) to determine the main predictor factor for the morale level of the primary school teachers.

This study was carried out by using the 'Staff Morale Questionnaires' which consist of thirty-one itemised questions. The process of collecting data was by post in which 500 teachers from 32 primary schools in the Sepang district had taken part in this study. But according to the count of the sample size, only 251 teachers from 15 schools were involved. Only 204 teachers gave responses to the questionnaires. All questionnaires that had been collected were analysed using the computer SPSS software Release 6.0.1.

From this study, it could be concluded that (1) overall, the morale of the primary school teachers in the Sepang district was high, (2) there was a clear difference in the morale level between teachers who taught in Chinese National Type Primary School and teachers who taught in Tamil National Type Primary school. The teachers from the Tamil National Type Primary School had the highest morale level, (3) there was a strong correlation between the morale dimensional factors such as personal challenge and leadership synergy with the performance evaluation result under the NRS merit increment variable, (4) there were differences in the morale level among the category of teachers with different performance evaluation result under the NRS merit increment and teachers who taught in three types of school. Finally, (5) the performance evaluation result under NRS merit increment variable and the types of school variable were the main predictor for the teacher's morale level in this study.

This study had given us some helpful information about the morale level of the primary school teachers in the Sepang district, Selangor Darul Ehsan.

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	: Analysis of Variance
PPG	: Penilaian Pergerakan Gaji
KBSR	: Kurikulum Baru Sekolah Rendah
NRS	: New Remenuration System
SJK	: Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	: Sekolah Kebangsaan
SJK (C)	: Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)
SJK (T)	: Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
SMQ	: Staff <i>Moral/e</i> Questionnaires
SPSS	: Statistical Pacages for the Social Science
SSB	: Sistem Saraan Baru

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Negara kita ingin mencapai taraf negara maju seperti negara Jepun dan Amerika Syarikat menjelang tahun 2020. Dalam usaha tersebut terdapat sembilan cabaran yang terkandung dalam 'Wawasan 2020' yang perlu ditempuhi. Untuk memenuhi cabaran dan mencapai objektif "Wawasan 2020", peranan sektor pendidikan adalah untuk membangunkan sumber manusia yang boleh membantu Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian yang maju. Hasrat ini telah dinyatakan seperti berikut:

"Pembangunan sumber manusia adalah memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan membekalkan kemahiran ikhtisas, pengurusan dan teknik yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam proses peralihan ke arah menjadi sebuah negara perindustrian."

(Kerajaan Malaysia, 1991)

Berdasarkan kenyataan di atas, tidak dapat dinafikan bahawa sektor pendidikan telah diberi tanggungjawab dan mandat dalam menyediakan tenaga manusia untuk keperluan masa kini dan masa depan. Guru sebagai tenaga utama dalam sektor pendidikan telah diberi tanggungjawab untuk menterjemahkan segala dasar kerajaan, mengasuh, mengajar, melatih serta mendidik generasi baru menjadi manusia yang berguna dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara sejajar dengan Wawasan 2020.

Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan pembangunan negara yang menyeluruh, mengikut Robiah Sidin (1994) negara kita memerlukan guru-guru yang mempunyai sifat-sifat dan berperanan seperti berikut:-

- a. Seorang yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, bersikap profesional yang menegakkan mutu dan kecemerlangan dalam kerjayanya.
- b. Guru perlu mementingkan perkembangan diri pelajar dan memupuk perasaan atau semangat penyayang di kalangan pelajar.
- c. Menjadi dirinya seorang yang dapat menegakkan tindakan yang bermoral dan beperikemanusiaan.
- d. Guru yang beriltizam, bersungguh-sungguh, bertanggungjawab dan mempunyai pandangan yang jauh terhadap tugasnya.
- e. Mempunyai sifat yang berani, mahu berubah, mencuba dan berinovasi.
- f. Dapat menunjukkan ciri seseorang yang mengikut peredaran masa dan memahami tuntutan-tuntutan perkembangan teknologi dan sains.
- g. Guru yang menunjukkan sifat cintakan alam sekitar dan menggalakkan pelajar menjaga kebersihan kawasan sekeliling dan mengelakkan pencemaran berlaku, dan

- h. Guru merupakan orang yang akan menekankan daya pengeluaran yang tinggi dalam setiap bidang kerjayanya. Guru akan mendidik dan menggalakkan semangat ingin bersaing di kalangan pelajar yang bakal dihasilkan.

Berdasarkan pernyataan di atas, maka masyarakat guru akan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara untuk membina generasi baru yang cemerlang dan meletakkan negara pada tahap kegemilangan dalam tempoh 23 tahun yang akan datang. Pengorbanan, dedikasi dan komitmen guru terhadap profesion keguruan dalam pengisian Wawasan 2020 adalah tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Untuk merealisasikan cita-cita pendidikan negara, kita memerlukan golongan guru yang berdedikasi, bermotivasi tinggi, berdaya usaha gigih, komitmen yang tinggi serta semangat yang padu. Begitu juga guru-guru yang mempunyai penghayatan yang mendalam terhadap objektif dan strategi pendidikan negara akan membantu merealisasikan cita-cita pendidikan negara.

Guru mempunyai tanggungjawab untuk memahami dan melaksanakan tugas sejajar dengan matlamat sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, guru juga memerlukan beberapa kepentingan kebajikan untuk meletakkan mereka pada tahap yang berupaya mencapai kesejahteraan dan memberi sumbangan terhadap pendidikan murid-murid di sekolah. Sekiranya masalah dan keperluan guru dalam konteks pelaksanaan tugas mereka di sekolah tidak dinilai dengan sewajarnya maka pelaksanaan matlamat pengajaran di sekolah akan menghadapi masalah yang rumit. Dengan ini adalah wajar bagi pihak pentadbir untuk menilai apakah "*morale*" guru di sekolah masing-masing.

Seseorang individu yang mempunyai "*morale*" yang tinggi atau rendah di dalam sesuatu organisasi lazimnya mempunyai hubungan dengan gaya kepemimpinan dan corak komunikasi dalam organisasi. Benson (1983) berpendapat bahawa pengetua yang kerap berinteraksi dengan guru-guru akan dapat meninggikan "*morale*" guru-guru di sekolah.

"*Morale*" boleh dikaitkan dengan kesungguhan seseorang individu yang menjalankan tugas dengan kreatif dan inovatif. Subordinat-subordinat yang memahami matlamat organisasinya dan individu yang mempunyai perasaan kekitaan yang tinggi akan mempengaruhi "*morale*" individu dalam organisasi (Smith, 1987). Begitu juga sekiranya staf yang ber"*morale*" tinggi percaya bahawa mereka adalah sebahagian daripada organisasi sekolah yang berkesan, maka ketekunan bekerja adalah perlu supaya sekolah dapat berfungsi dengan baik (Newell, 1978).

"*Morale*" guru adalah bergantung kepada penghargaan kendiri guru. Guru-guru yang mendapati dirinya dihargai, berpendapat bahawa mereka lah yang sepatutnya merealisasikan matlamat organisasinya secara profesional akan mempunyai "*morale*" yang baik. "*Morale*" juga dapat ditingkatkan sekira para guru mempunyai kebolehan intelek dan berketrampilan untuk menyumbang tenaga terhadap pengeluaran sesuatu organisasi (Nigro, 1984).

Secara kesimpulan dapat kita katakan bahawa "*morale*" seseorang individu dan kumpulan dipengaruhi oleh persepsi diri seseorang individu, gaya kepemimpinan dan suasana iklim dalam organisasi. Jikalau persepsi diri seseorang terhadap organisasi adalah positif, suasana iklim organisasi adalah kondusif dan gaya kepemimpinan yang disegani, maka

"*morale*" dalam organisasi itu lazimnya akan menjadi tinggi. Namun begitu, "*morale*" seseorang akan menjadi sebaliknya sekiranya beliau mempunyai persepsi yang negatif terhadap organisasinya, iklim organisasi yang tidak kondusif dan gaya kepemimpinan yang berbentuk autokratik.

Rasional Kajian

Perubahan dalam sistem pendidikan dan masyarakat di negara kita telah meletakkan profesi keguruan pada satu dimensi kerjaya yang baru di sekolah. Manakala perubahan globalisasi ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat juga telah mengakibatkan profesi keguruan menjadi semakin mencabar, bertambah kompleks serta mengalami perubahan yang berterusan. Fenomena ini telah memberi cabaran besar kepada profesi keguruan terutamanya tentang masalah "*morale*" guru di sekolah.

Di sekolah, guru-guru akan berhadapan dengan keadaan pelajar-pelajar yang datang dari berbagai-bagai latar belakang dan etnik. Menurut kajian Wong (1991) guru bukan hanya setakat mengajar di dalam bilik darjah sahaja, malah terpaksa melakukan kerja-kerja pejabat, mengasuh kanak-kanak, bertindak sebagai pekerja sosial dan melakukan kerja di luar kemampuan mereka.

Walker dan Barton (1987) merumuskan bahawa ketrampilan profesi keguruan masa kini telah menghadapi tujuh ancaman ekologi. Ketujuh-tujuh ancaman ekologi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

(a) lebihan permintaan terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh seorang guru; (b) gaji dan status yang rendah, (c) kurang mendapat pengiktirafan dan pengasingan profesional semasa menjalankan tugas; (d) keberkesenan sebagai seorang pengajar tidak dapat ditentukan; (e) terasa kekurangan kuasa; (f) berasa terasing, dan (g) "*morale*" yang semakin merosot.

Manakala fenomena penilaian pergerakan gaji dan pencapaian Sistem Saraan Baru (SSB) yang mempengaruhi suasana tempat kerja telah banyak menimbulkan kesangsian dan kekecewaan di kalangan guru. Pihak pentadbir sekolah yang berautokratik cuba mengambil kesempatan untuk mengugut dan mengarah guru-guru sekolah untuk melakukan tugas di luar kemampuan mereka. Dengan ini "*morale*" guru tercabar dan persoalan membuat kerja secara kolaboratif dan berkumpulan adalah sukar, malah ramai guru telah memilih bekerja pada tahap kemampuan yang paling minimum bagi memenuhi syarat penilaian SSB. Pernyataan ini mempunyai persamaan dengan laporan kajian Hopkins dan Stern (1996) yang mendapati bahawa guru-guru tidak diberi pengiktirafan atau imbuhan yang setimpal dengan usaha murni dan pencapaian yang telah disumbangkan. Dalam keadaan seperti ini guru-guru di sekolah memerlukan suntikan "*morale*" bagi meneruskan perjuangan murni mereka untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Guru-guru tidak lagi menikmati taraf sosial yang tinggi seperti duhulu yang amat disanjungi dan disegani. "*Morale*" guru telah tercabar dan sering menjadi sasaran kritikan daripada masyarakat umum dan akhbar tempatan. Aduan ibu bapa terhadap guru di sekolah sering menjadi isu sensitif dan diberi kritikan-kritikan negatif secara eksklusif dalam akhbar dan media massa yang lain (Hopkins dan Stern, 1996).

Laporan akhbar tempatan baru-baru ini yang mempersoalkan kenyataan "*Teaching profession is a lost profession*" (The Star, 1997) telah menggelapkan lagi martabat profesion perguruan di kaca mata masyarakat.

Disiplin dan tingkah laku pelajar di sekolah juga merupakan punca utama yang boleh menjaskannya "*morale*" guru. Guru-guru di sekolah tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada proses pengajaran dalam kelas. Banyak masa telah digunakan untuk menjadi penguatkuasa undang-undang di sekolah. Tingkah laku dan sikap pelajar dalam kelas yang negatif telah menjadi penghalang utama kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan (Webb dan Sherman, 1987). Masalah tekanan kerja seperti itu telah mengakibatkan hubungan guru dengan pelajar dan guru dengan pihak pentadbir menjadi renggang.

Masalah "*morale*" guru menjadi ketara apabila terdapat ramai guru yang berpengalaman dan berumur lebih dari empat puluh tahun (layak membuat pilihan persaraan awal) telah memohon meletakkan jawatan. Keadaan ini dapat dilihat daripada laporan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia yang menunjukkan sebanyak 1782 orang guru yang telah meletakkan jawatan di antara tahun 1993 hingga 1995 sebagaimana yang tunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Guru yang Meletak Jawatan mengikut Tahun

Tahun	Bilangan Guru
1993	365 orang
1994	588 orang
1995	829 orang
Jumlah	1782 orang

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia
(The Star, 10.03.1997)

Faktor utama gejala perletakan jawatan ini adalah kerana ramai guru sudah kurang berminat terhadap profesion ini. Selain itu, ramai juga guru-guru telah menceburkan diri dalam bidang politik, mendapat kerja yang lebih baik dan melanjutkan pelajaran. Ada juga yang menghadapi masalah peribadi atau keluarga (The Star, 10.03.1997).

Fenomena yang tersebut di atas jelas menunjukkan betapa seriusnya dilema guru di sekolah. Kepincangan profesional keguruan yang terjadi itu perlu ditangani dengan teliti dan berhati-hati oleh semua lapisan masyarakat. Pihak berkuasa perlu mencari pendekatan yang lebih sesuai untuk menangani masalah profesi keguruan. Pendekatan seperti membuat kajian tentang "*morale*" di kalangan guru boleh menjadi pemangkin untuk meredakan keadaan ketegangan serta menaikkan martabat profesi keguruan di kaca mata masyarakat.

Pernyataan Masalah

Pelaksanaan KBSR di sekolah rendah telah menjangkau usia 15 tahun. Kejayaan dan kegagalan dalam pencapaian matlamat KBSR adalah terletak pada bahu guru yang beriltizam dan bertanggungjawab. Dewasa ini pula terdapat tanda-tanda yang menunjukkan tahap "*morale*" guru di sekolah rendah telah menurun. Ini disebabkan oleh beban kerja dan tanggungjawab guru yang semakin berat untuk melahirkan insan yang syumur bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Bagaimanapun guru-guru sekolah rendah masih memerlukan beberapa unsur kepentingan peribadi untuk meletakkan mereka agar pada suatu tahap keupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri, supaya mereka boleh memberi sumbangan kepada prestasi akademik pelajar yang lebih cemerlang di sekolah (Hopkin dan Stern,1996). Namun begitu masalah dan keperluan guru terutamanya tahap "*morale*" guru di sekolah masih tidak dinilai dengan sewajarnya

Tahap "*morale*" guru adalah bergantung kepada persepsi individu yang timbul daripada satu pengukuran tentang sejauhmana perkara-perkara yang wujud dapat memenuhi keinginan dan keperluan guru di sekolah. Sekiranya kita mengetahui nilai-nilai yang terdapat di dalam faktor dimensi "*morale*" yang terpilih seperti cabaran peribadi, kebanggaan kohesif dan sinergi kepemimpinan, maka dapatlah kita meramal kesan dan pertalian faktor-faktor itu terhadap tahap "*morale*" guru di sekolah rendah. Oleh itu permasalahan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor latar diri terpenting yang boleh menyumbang kepada peningkatan tahap "*morale*" guru-guru di sekolah rendah.